

19 JUN 2003

Umno-Institut

CADANGAN TUBUH INSTITUT PEMIKIRAN DR MAHATHIR IDEA BAIK

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Cadangan Badan Perhubungan Umno Kelantan supaya kerajaan menubuhkan "Institut Pemikiran Dr Mahathir Mohamad" mendapat sokongan pemimpin parti.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkata cadangan itu sangat tepat kerana sepanjang 22 tahun pemerintahan Dr Mahathir, terlalu banyak saranan, pandangan, idea dan tindakan yang beliau buat.

"Kita tidak mahu pemikiran, saranan dan pandangan beliau dalam pelbagai aspek politik, ekonomi, sosial, jatidiri, budaya dan perhubungan antarabangsa hilang tanpa ada satu badan yang mengkaji dan menggerakkannya," katanya di luar Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Idea penubuhan institut itu dikemukakan oleh Ketua Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed sebagai pengiktirafan kepada sumbangan Perdana Menteri terhadap Malaysia.

Muhammad berkata perlu diwujudkan satu usaha dan institusi yang dapat mengumpulkan idea-idea Dr Mahathir di samping melakukan kajian serta melaksanakan pemikiran berkenaan.

"Institut ini boleh direalisasikan dengan syarat ada kemahuan, sikap, disiplin. Jika tidak idea akan hilang begitu sahaja...kita perlu berusaha ke arah itu," katanya.

Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman pula berkata pemikiran Dr Mahathir adalah "di luar daripada pemikiran biasa" yang mencakupi dalam pelbagai bidang pengurusan dan pentadbiran negara, politik, ekonomi malahan perhubungan antarabangsa.

"Pemikirannya mempunyai impak yang begitu besar bukan sahaja kepada negara malah terhadap dunia antarabangsa, seperti idea pemikirannya semasa menghadapi krisis kewangan pada 1997/1998.

"Terbukti tindakannya (bagi mengadakan kawalan modal termasuk tambatan matawang) adalah tepat dan akhirnya ia menjadi satu bab dalam pengajian ekonomi bagi menghadapi krisis kewangan," katanya.

-- BERNAMA

HS ZS MOZ